

AKADEMIK

SKOP KERJA SOSIAL DALAM BIDANG KESIHATAN

Oleh : Puan Norhamidah Jarimal @ Safri, Pensyarah program Kerja Sosial

Bidang Kerja Sosial merupakan salah satu bidang yang semakin berkembang dan dikenali di segenap lapisan masyarakat di negara kita. Kerja Sosial merupakan sebuah profesion menolong yang bertujuan untuk membantu individu yang mengalami masalah peribadi, keluarga dan ianya turut memberi perkhidmatan sosial kepada individu yang berkeperluan.

Peranan utama Pekerja Sosial dalam bidang kesihatan adalah membantu klien dari segi perkhidmatan psikososial melalui pendekatan kaunseling, kerjasama berpasukan dan mewujudkan rangkaian perkhidmatan yang bukan sahaja kepada individu, malahan ianya diperluaskan kepada organisasi dan komuniti dengan tujuan menjaga kepentingan pesakit.

Sebuah seminar yang membincangkan skop kerja sosial dalam bidang kesihatan telah diadakan pada 1 Mac 2013 (Jumaat), bertempat di Bilik Seminar 2, SPKS. Seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa/i SPKS mengikuti seminar ini. Penceramah jemputan iaitu Puan Durin Edward selaku Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Queen Elizabeth 1 merupakan individu yang mahir dan berpengalaman luas dalam bidang Kerja Sosial Perubatan.



Menurut Puan Durin, terdapat beberapa perkhidmatan utama dalam kerja sosial kesihatan iaitu terapi sokongan, yang merangkumi kaunseling untuk individu, keluarga dan kumpulan serta advokasi pesakit iaitu pekerja sosial menjadi pengantara kepada pesakit dan perkhidmatan di hospital. Selain itu, bantuan praktikal dan sokongan emosi merupakan salah satu perkhidmatan kerja sosial di hospital, di mana perkhidmatan ini merangkumi dua aspek iaitu intervensi kerja sosial dan isu-isu dalam kerja sosial.

Bantuan intervensi kerja sosial melibatkan temuduga, penilaian sosioekonomi, lawatan ke rumah dan intervensi individu serta keluarga. Manakala, isu-isu kerja sosia perubatan pula melibatkan bantuan rawatan, peralatan perubatan, perancangan discaj untuk pesakit, dan sokongan pemulihan. Seterusnya aspek pemulihan sosial pula melibatkan sokongan emosi dan memberi kesedaran kepada pesakit tentang penjagaan kesihatan pada masa akan datang. Sehubungan itu, pekerja sosial turut menjadi sumber kekuatan kepada komuniti bagi memenuhi keperluan pesakit yang bekerja dengan kerajaan dan bukan kerajaan. Contohnya membekalkan perkhidmatan talian bantuan, penempatan dan kumpulan *self-help*. Kelab Kerja Sosial, SPKS berharap agar seminar seumpama ini menjadi w a h a n a d a l a m m e n g a n g k a t d a n memartabatkan lagi bidang Kerja Sosial di Malaysia.



Pensyarah SPKS (depan) bersama penceramah dan pelajar